

## **RUJUK: PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA**

**Raihanah Abdullah\***  
**Zulzaidi Mahmud\*\***

### **ABSTRACT**

*The problem of rujū' arises when it relates to the question of whether an act of intercourse between a husband and wife who are divorced within the period of 'iddah is deemed as rujū' or otherwise. Several Syariah Court cases indicate that the court is certain as to the principles in the mazhab of Shafi'i that such an act is not deemed as rujū' unless rujū' has been uttered or pronounced prior to that act. Emphasis by the Syariah Court in the application of the principles of mazhab Shafi'i in matters pertaining to rujū' bi al-fi'li has in some way caused problems in the community. As such this article reviews the situation of rujū' from the perspective of Islamic law and its implementation according to Islamic family laws in Malaysia.*

**Keywords:** *Islamic family law, marriage, divorce, resumption of conjugal relation*

---

\* Associate Professor, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya, Kuala Lumpur, raihanah@um.edu.my

\*\* Master candidate, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya, Kuala Lumpur, matnyum@yahoo.com

## PENDAHULUAN

Rujuk dalam perkahwinan merupakan perkara yang tidak asing dalam membincangkan isu-isu kekeluargaan Islam. Tiga istilah yang saling berkait rapat dan tidak boleh dipisahkan daripada perbincangan ini adalah nikah, cerai dan rujuk.<sup>1</sup> Hubungan ketiga-tiga istilah ini lebih mudah difahami bahawa rujuk dalam perkahwinan mestilah berlaku selepas terjadinya perceraian, manakala perceraian pula hanya boleh berlaku dengan sebab ada perkahwinan yang sah sahaja. Perceraian merupakan suatu perkara yang paling tidak diinginkan oleh setiap pasangan yang melayari alam perkahwinan.

Islam telah membuka ruang bagi pihak suami isteri yang bercerai untuk kembali bersama sebagai sepasang suami isteri melalui kaedah rujuk. Namun, perkara mengenai rujuk amat kurang diperbincangkan secara akademik dalam memahami perkaitan antara Hukum Syarak dan juga Undang-undang Kekeluargaan Islam dengan melihat kepada realiti di Malaysia kini seperti rujuk dengan perbuatan, rujuk tanpa kerelaan isteri, kesaksian dalam rujuk, prosedur rujuk di Malaysia dan juga rujuk selepas kematian isteri.<sup>2</sup> Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan mengenai peruntukan rujuk dan pelaksanaannya sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.

## RUJUK MENURUT HUKUM SYARAK

Rujuk merupakan satu terminologi fiqh yang dapat difahami melalui ayat al-Qur'an berikut:

أَلْطَّلِقُ مَرَّتَانِ ۖ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَانٍ ۗ

*“Talakh yang dapat dirujuk dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik.”*

(Surah al-Baqarah, 2: 229)

<sup>1</sup> Di Malaysia, pentadbiran berkenaan dengan nikah, cerai dan rujuk telah diaplikasikan di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

<sup>2</sup> *Kosmo* (2009), “Rujuk Selepas Mati: Tuntutan Harta Punca Bekas Pegawai Polis Fail Kes Pelik Di Mahkamah Syariah”, 17 November 2009.

Ayat di atas membawa pengertian bahawa Allah SWT memberi ruang dan hak kepada suami untuk merujuk isterinya<sup>3</sup> setelah berlaku perceraian kali pertama dan kali kedua<sup>4</sup> dengan jalan yang ditetapkan berdasarkan syarat-syarat tertentu selagimana isterinya masih dalam keadaan ber'iddah.<sup>5</sup>

Dalam *Hashiyah Ibn 'Abidīn* rujuk disebut sebagai "*istidāmah al-milk al-qā'im bi lā 'iwāḍin mā dāmat fī al-'iddah*" dan pendefinisian ini tidak jauh berbeza dengan definisi yang diberikan oleh mazhab Maliki<sup>6</sup>, Shafi'i<sup>7</sup> dan Hanbali<sup>8</sup>, iaitu "apabila lelaki yang merdeka menceraikan isterinya selepas berlaku persetubuhan, perceraian talak satu atau talak dua dengan tidak menerima bayaran (*khulu'*), rujuk hendaklah dibuat dalam waktu 'iddah."<sup>9</sup>

Pensyariatan rujuk telah termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah secara jelas dinyatakan iaitu:

وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرُدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا

"Dan suaminya berhak merujukinya dalam masa menanti itu, jika mereka (para suami) menghendaki islah (perdamaian)."

(Surah al-Baqarah, 2:228)

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرَحوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ

"Apabila kamu mentalak isteri-isterimu, lalu mereka mendekati akhir 'iddahnya. Maka rujukilah mereka dengan cara yang ma'ruf, atau ceraikanlah mereka dengan cara yang ma'ruf."

(Surah al-Baqarah, 2:231)

<sup>3</sup> Al-Jalīl al-Ḥāfīz 'Imād al-Dīn 'Abī al-Fida' Ismā'īl bin Kasīr al-Dimashqī (2000), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, j. 2. Kaherah: Mu'assasah Qurṭubah, h. 339.

<sup>4</sup> Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1982), *Tafsīr Al-Azhar*, j. 1. Jakarta: Pustaka Panjimas, h. 213.

<sup>5</sup> Taqīy al-Dīn Abī Bakr bin Muhammad al-Ḥusaynī (2001), *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥallī Ghāyah al-Ikhtīṣār*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmīyyah, h. 540.

<sup>6</sup> Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin 'Abd al-Raḥman Abī Zayd al-Qāyrawānī (1999), *al-Nawādir wa al-Ziyādāt*, j. 5. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmi, h. 227.

<sup>7</sup> Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf al-Fayruzabadi al-Shīrāzī (1995), *al-Muḥadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmīyyah, h. 46.

<sup>8</sup> Muwaffaq al-Dīn Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah (1997), *al-Kāfi*, j. 4. Giza: Hajr li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-'ilan, h. 515.

<sup>9</sup> Taqīy al-Dīn Abī Bakr bin Muhammad al-Ḥusaynī (2001), *op.cit*, h. 541.

فَإِذَا بَلَغَ أَجَلَہُنَّ فَأَمْسِكُوہُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوہُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْہِدُوا ذَوَىٰ  
عَدَلٍ مِّنْکُمْ وَأَقِیمُوا الشَّہَدَةَ لِلَّہِ

“Apabila mereka telah mendekati akhir ‘iddahnya, maka rujukilah mereka dengan baik atau lepaskanlah mereka dengan baik dan persaksikanlah dengan dua orang saksi yang adil di antara kamu dan hendaklah kamu tegakkan kesaksian itu kerana Allah.”

(Surah al-Ṭalāq, 65:2)

Dalam ketiga-tiga ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT telah memberi ruang kepada suami untuk merujuk isterinya dalam tempoh ‘iddah bagi menghalalkan perhubungan selepas berlaku perceraian bukan dengan *ṭalāq bā’in* dan tanpa akad nikah yang baru.<sup>10</sup> Perkahwinan merupakan sebuah institusi yang amat berharga bagi setiap insan. Sekiranya berlaku keruntuhan rumahtangga dengan jalan perceraian yang bukan *ṭalāq bā’in*, maka Allah SWT telah memberi tempoh masa yang benar-benar relevan dengan akal manusia iaitu tempoh ‘iddah untuk pasangan suami dan isteri memikirkan untuk kembali bersama dengan jalan rujuk. Dalam ketiga-tiga ayat ini tiada perselisihan *fuqahā’* berkenaan dengan makna ayat iaitu rujuk<sup>11</sup> dan tempoh yang dibolehkan rujuk terhadap isteri. Peristiwa pensyariatan rujuk dapat dilihat dalam kisah Rasulullah SAW yang telah menceraikan isteri Baginda bernama Hafsa dan juga kisah Ibn Umar yang telah menceraikan isterinya semasa sedang haid. Perkara ini telah termaktub dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī dan Abū Dāwud:

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما أنه طلق امرأته وهي حائض على عهد  
رسول الله صلى الله عليه وسلم فسأل عمر بن الخطاب رسول الله صلى الله عليه  
وسلم عن ذلك فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم مره فليراجعها

“Daripada Ibn Umar r.a beliau berkata: Aku telah menceraikan isteriku semasa sedang haid. Maka Umar r.a bertanya kepada

<sup>10</sup> Manṣūr bin Yūnus al-Bahutī (t.t.), *al-Rawd al-Murabbī’ Sharḥ Zād al-Mustaqni’*. Kaherah: Mu’assasah al-Risalah, h. 586.

<sup>11</sup> Shams al-Dīn Abī al-Farj ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Aḥmad bin Qudāmah al-Maqdisi (1996), *al-Sharḥ al-Kabīr*. Giza: Hajr li al-Ṭaba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’ wa al-‘ilan, h.77.

*Rasulullah SAW tentang perkara tersebut. Maka Rasulullah SAW bersabda: Suruhlah Ibn Umar merujuk isterinya.*"<sup>12</sup>

عن عمر أن رسول الله صلى الله عليه وسلم طلق حفصة ثم راجعها

*"Daripada Umar r.a, bahawa Rasulullah SAW telah menceraikan Hafsa kemudian telah merujuknya kembali."*<sup>13</sup>

Dalam kedua-dua hadith ini menunjukkan bahawa sekiranya seseorang suami telah menceraikan isterinya maka rujuk boleh dilakukan dan hadith ini merupakan hujah yang cukup kuat kerana rujuk telah dilakukan sendiri oleh Rasulullah SAW kepada isterinya. Hadith Ibn Umar telah dijadikan hujah berkenaan dengan kesaksian kerana Rasulullah SAW telah menyuruh Ibn Umar merujuk kepada isterinya tanpa menyebutkan saksi.<sup>14</sup>

Terdapat tiga rukun rujuk<sup>15</sup> yang disepakati oleh para *fuqahā'* iaitu suami yang melakukan rujuk, isteri yang dirujuk dan lafaz rujuk.<sup>16</sup> Bagi rukun suami yang melakukan rujuk, para *fuqahā'* telah bersepakat menyatakan suami tersebut hendaklah mempunyai keahlian untuk berkahwin, baligh, tidak gila (waras)<sup>17</sup> dan tidak mabuk serta dengan kemahuan sendiri pihak suami. Rukun isteri yang dirujuk pula mempunyai beberapa syarat iaitu isteri yang diceraikan mestilah dalam keadaan '*iddah raj'ī*' yang mana sewaktu tempoh perkahwinan pasangan tersebut telah melakukan persetubuhan sebenar.<sup>18</sup> Syarat lain adalah isteri hendaklah bukan diceraikan dengan *ṭalāq bā'in suḡhrā* atau *ṭalāq bā'in kubrā* seperti perceraian sebelum persetubuhan, perceraian talak tiga<sup>19</sup> atau

<sup>12</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī (1400H), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, "Kitāb al-Ṭalāq", no hadith 5251. j.3. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, h. 400.

<sup>13</sup> Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash'as (t.t.), *Sunan Abī Dāwūd*, "Kitāb al-Ṭalāq", no hadith 2283. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif Li al-Nashr wa al-Tawzī', h. 399.

<sup>14</sup> Muṣṭafā bin al-'Adwā (1988), *Aḥkam al-Ṭalāq fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, h. 184.

<sup>15</sup> 'Abd al-Ḥamīd al-Shirwānī (t.t.), *Tuḥfah al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj*, j. 8, Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafā Muḥammad, h. 146.

<sup>16</sup> Muhd. Fauzi Muhamad (2003), *Pembubaran Keluarga: Undang-Undang Keluarga Islam Dalam Empat Mazhab*, j. 2. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd, h. 150.

<sup>17</sup> Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (2003), *Rawḍah al-Ṭālibīn*, j. 6, Beirut: Dār 'Alam al-Kutub, h. 190.

<sup>18</sup> Al-Shīrāzī (1995), *op.cit*, h. 46.

<sup>19</sup> Sekiranya berlaku talak tiga sama ada sekaligus atau secara berasingan, maka suami tidak boleh merujuk isterinya walau apa keadaan sekalipun. Suami tadi hanya boleh bersama semula dengan isteri dengan jalan nikah semula tetapi

*khulu'*. Rujuk juga tidak boleh dan tidak sah dilakukan secara *ta'liq*<sup>20</sup> seperti mengatakan "aku rujuk kamu sekiranya kamu sudi bersamaku kembali".<sup>21</sup> Wanita yang dirujuk juga hendaklah ditentukan secara tepat dan bukannya dengan pilihan.<sup>22</sup> Rukun *ṣīghah* dalam rujuk terdapat dua pembahagian iaitu *lafaz ṣarīḥ* dan *lafaz kināyah* yang memberi kesan terhadap kesahan rujuk.

Para *fuqaha'* telah bersependapat menyatakan bahawa *lafaz ṣarīḥ* yang dibuat mengenai rujuk tidak memerlukan kepada sebarang niat, seperti suami berkata kepada isterinya "aku rujuk akan kamu". Dalam hal *lafaz ṣarīḥ* ini tidak timbul sebarang keraguan terhadap sabitan rujuk kerana sudah jelas lafaz yang dibuat adalah membawa maksud kepada rujuk.<sup>23</sup> Mazhab Shāfi'ī amat menekankan hal rujuk melalui lafaz yang mana wajib suami merujuk kepada isterinya dengan lafaz sahaja.<sup>24</sup>

Bagaimanapun para *fuqaha'* berbeza pendapat sekiranya rujuk menggunakan *lafaz kināyah*. Mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Shāfi'ī berpendapat bahawa rujuk boleh dilakukan dengan *lafaz kināyah* seperti "kamu isteriku" atau "marilah kamu bersamaku". Bagi mazhab Ḥanbalī, *lafaz kināyah* adalah tidak boleh dilakukan dalam hal rujuk untuk bersama kembali kepada isteri. Dalam hal *lafaz kināyah* ini dilihat sebagai lafaz yang mendatangkan keraguan kepada rujuk.<sup>25</sup> Maka lafaz ini perlulah dibuktikan dengan niat yang jelas sama ada suami mahu merujuk kepada isteri semula ataupun tidak.

---

hendaklah melalui beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 230. Syarat-syarat yang wajib diikuti oleh suami sekiranya mahu bersama semula dengan isteri iaitu setelah bercerai dengan suami pertama dan habis tempoh '*iddahnya*, maka isteri berkahwin dengan seorang lelaki lain dengan akad nikah yang sah dan mereka telah melakukan hubungan kelamin. Setelah itu suami kedua tersebut telah menceraikan isterinya dan isterinya perlulah ber'*iddah*. Setelah habis tempoh '*iddah* maka suami pertama boleh mengahwini kembali isterinya dengan akad nikah dan mahar yang baru.

<sup>20</sup> Muwaffaq al-Dīn Abī Muḥammad 'Abd Allah bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah (1992), *al-Mughnī*, j. 10. Riyadh: Dār 'Alam al-Kutub, h. 562.

<sup>21</sup> Muhd. Fauzi Muhamad (2003), *op.cit*, h. 150.

<sup>22</sup> Taqiy al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusaynī (2001), *op.cit*, h. 541.

<sup>23</sup> Al-Nawawi (2003), *op.cit*, h. 191.

<sup>24</sup> Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī (2001), *al-Umm*, j. 6. Manṣurah: Dār al-Wafā', h. 621.

<sup>25</sup> Muhd. Fauzi Muhamad (2003), *op.cit*.

## Pandangan *Fuqahā'* Tentang Rujuk Melalui Perbuatan

*Fuqahā'* telah berselisih pendapat dalam hal rujuk melalui perbuatan. Ini kerana rukun rujuk hanya lafaz sahaja yang diterima pakai secara *ijmā'* 'ulama'. Walau bagaimanapun, para *fuqahā'* mempunyai beberapa hujah dalam hal rujuk perbuatan bagi kesahan menzahirkan rujuk ini. Terdapat dua pendapat utama dalam hal rujuk melalui perbuatan iaitu pendapat yang membolehkannya dan pendapat yang menolak cara rujuk melalui perbuatan ini.

Pendapat pertama adalah pendapat dari mazhab Shāfi'ī yang menyatakan rujuk hendaklah dibuat secara lafaz dan tidak boleh melakukan rujuk secara perbuatan seperti mengucup isteri, bercumbuan-cumbuan,<sup>26</sup> bersetubuh<sup>27</sup> atau sebagainya kerana perbuatan ini tidak menzahirkan rujuk secara jelas.

Pendapat kedua adalah pendapat sebilangan mazhab Ḥanafī, mazhab Malīkī dan mazhab Ḥanbalī yang membenarkan rujuk melalui perbuatan. Sebilangan *fuqahā'* mazhab Ḥanbalī membenarkan rujuk melalui perbuatan dengan jalan persetubuhan sahaja. Persetubuhan yang dimaksudkan adalah persetubuhan sebenar dan bukannya dengan berciuman dan bersentuhan walaupun melihat faraj.<sup>28</sup> Rujuk melalui perbuatan dibolehkan tanpa niat dan tanpa saksi.

Sebilangan *fuqahā'* mazhab Malīkī membenarkan rujuk dengan perbuatan tetapi niat rujuk mestilah disertakan sekali dalam perbuatan tersebut.<sup>29</sup> Perbuatan yang dikira rujuk adalah termasuk persetubuhan, menyentuh atau melihat faraj isteri. Mazhab Ḥanafī mempunyai pandangan yang agak terbuka sedikit tentang rujuk melalui perbuatan ini iaitu rujuk dengan perbuatan dibolehkan dengan cara persetubuhan, berciuman, bersentuhan atau melihat faraj isteri dengan perasaan.<sup>30</sup>

Perbezaan pandangan di kalangan *fuqahā'* dalam hal mensabitkan rujuk melalui perbuatan adalah berdasarkan kepada ketiadaan nas yang terang menjelaskan perkara ini. Dalil dan nas tentang rujuk hanya menjelaskan pensyariatkan rujuk serta masa yang membolehkan rujuk iaitu semasa '*iddah*. Oleh yang demikian, *fuqahā'* telah mengemukakan justifikasi mereka sendiri terhadap tafsiran kaedah melakukan rujuk. Soal rujuk dengan perbuatan adalah merupakan perkara *ijtihādī* kerana ketiadaan nas yang *qaṭ'ī*. Melihat kepada

<sup>26</sup> Al-Shīrāzī (1995), *op.cit*, h. 47.

<sup>27</sup> Al-Nawawī (2003), *op.cit*, h. 192.

<sup>28</sup> Ibn Qudāmah (1997), *op.cit*, h. 518.

<sup>29</sup> Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin 'Abd al-Raḥman Abī Zayd al-Qāyrawānī (1999), *op.cit*, h. 283.

<sup>30</sup> Muhd. Fauzi Muhamad (2003), *op.cit*, h. 152.

pandangan-pandangan tentang rujuk melalui perbuatan ini dalam konteks semasa, maka kemaslahatan umum dan ketiadaan penganiayaan adalah diutamakan. Ini kerana rujuk adalah bertujuan menyambung kembali ikatan yang terputus akibat perceraian.

Jika diperhatikan, hanya mazhab Ḥanafī sahaja yang mengiktiraf rujuk melalui perbuatan sama ada paksa atau secara sukarela, sama ada ianya dilakukan oleh suami atau isteri. Bagi pendapat ini, perbuatan yang dilakukan seperti bercumbu-cumbuan atau bersekedudukan adalah suatu perbuatan yang lebih besar dari lafaz yang dinyatakan untuk tujuan rujuk. Walau bagaimanapun, dalam kitab *Hāshiyah Ibn ‘Ābidīn* berpendapat bahawa rujuk secara perbuatan walaupun ia sah tetapi ia membawa hukum makruh.<sup>31</sup>

Menurut Ibn ‘Ābidīn, rujuk itu boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *sunni* dan *bid’ī*. Rujuk *sunni* bermaksud apabila seseorang itu melafazkan rujuknya, ada yang menyaksikan rujuk tersebut dan isteri mengetahui berlakunya rujuk tersebut. Manakala rujuk *bid’ī* pula bermaksud rujuk melalui perbuatan ataupun seseorang itu merujuk isteri dengan lafaz tanpa ada saksi dan tidak dimaklumkan kepada isteri. Bagi mazhab Malīkī penerimaan rujuk melalui cara ini adalah diterima tetapi mereka sangat berhati-hati untuk mensabtkannya melainkan perbuatan tersebut mempunyai niat<sup>32</sup> untuk merujuk, ini kerana berdasarkan kepada dalil hadith setiap perbuatan dengan niat.<sup>33</sup>

Pandangan mazhab Shāfi’ī merupakan pandangan yang tidak akan mewujudkan sebarang kesangsian. Ini adalah kerana lafaz merupakan suatu kaedah yang tidak dapat dipertikaikan dalam urusan pernikahan dan perceraian. Ia adalah lebih jelas, selamat dan dapat mengelakkan dari sebarang penipuan yang boleh dibangkitkan oleh pihak suami. Sekiranya seorang suami

<sup>31</sup> *Al-Karāḥatu al-tanzīh* dan bukannya *al-karāḥatu al-taḥrīm*.

<sup>32</sup> Muṣṭafā bin al-’Adwā (1988), *op.cit*, h. 185.

<sup>33</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī (1400H), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, “Kitāb al-Imān wa al-Nudhur”, no hadith 6689. j.4. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyah, h. 227.; Hadith ini merupakan hadith yang diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī berkenaan dengan niat iaitu:

عمر بن الخطاب رضي الله عنه يقول سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول إنما الأعمال بالنيات وإنما لأمرئ ما نوى

*Umar bin Al-Khattab r.a berkata, beliau mendengar Rasulullah SAW berkata: “Sesungguhnya setiap perbuatan itu dengan niat, dan sesungguhnya bagi setiap perbuatan itu apa yang diniatkan.”*



ingin merujuk semula kepada isterinya maka dia perlu melafazkan rujuknya sebagaimana dia telah melafazkan cerai. Sekiranya rujuk dengan perbuatan adalah sah, maka tidak terdapatlah sebarang perbezaan di antara perhubungan kelamin semasa dalam perkahwinan dan selepas diceraikan. Oleh yang demikian, lafaz rujuk merupakan garis pemisah di antara keadaan yang mengharamkan perhubungan kelamin (talak) dengan hidup kembali sebagai suami isteri (rujuk). Mazhab Shafi'ī menyatakan walaupun rujuk melalui perbuatan adalah tidak sah dalam mensabitkan berlakunya rujuk, persetubuhan yang berlaku semasa 'iddah raj'ī sama ada dengan niat ataupun tidak dengan niat maka persetubuhan itu adalah persetubuhan *shubhah*. Bagaimanapun tidak akan dikenakan had bagi pasangan tersebut.<sup>34</sup>

### Keredaan Isteri Dalam Rujuk

Rujuk merupakan hak suami secara jelas yang telah ditetapkan oleh Hukum Syarak. Menurut pandangan mazhab Ḥanafī keredaan isteri adalah tidak disyaratkan dalam perihal rujuk ini. Suami berhak untuk merujuk isterinya sama ada dengan keredaan isterinya atau tidak.<sup>35</sup> Mazhab Hanbali juga memberi pandangan bahawa rujuk tetap akan berlaku walaupun isteri tidak meredainya.<sup>36</sup> Menurut mazhab Shāfi'ī sah rujuk kepada isteri walaupun tanpa keredaan isterinya.<sup>37</sup> Ini adalah berdasarkan kepada ayat berikut:

وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا

*“Dan suaminya berhak merujukinya dalam masa menanti itu, jika mereka (para suami) menghendaki islah (perdamaian).”*

(Surah al-Baqarah, 2: 228)

Walaupun pandangan mazhab-mazhab muktabar menyatakan bahawa keredaan isteri adalah tidak perlu dalam hal rujuk ini tetapi adalah perlu untuk memastikan rujuk yang dilakukan adalah bertepatan dengan kehendak Islam iaitu tidak mendatangkan kemudaratan kepada isteri dan rujuk yang dilakukan memberi masalah kepada pasangan. Ini telah dinyatakan dalam surah al-Baqarah:

<sup>34</sup> Al-Shāfi'ī (2001), *op.cit*, h. 621.

<sup>35</sup> Muhammad 'Ashiq Ilāhī al-Barnī (1992), *al-Tashīl al-Ḍarūrī li Masā'il al-Qudūrī*, j. 2. Karachi: Maktabah al-Sheikh, h. 38.

<sup>36</sup> Ibn Qudāmah (1997), *op.cit*, h. 516.

<sup>37</sup> Al-Shīrāzī (1995), *op.cit*, h. 37.

وَلَا تُكْسِرُوهُنَّ حِرَارًا لِّتَعْتَدُوا وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ وَلَا  
تَتَّخِذُوا آيَاتِ اللَّهِ هُزُوًا

“Dan janganlah kamu rujuki mereka (isteri-isteri) untuk memberi kemudharatan, kerana dengan demikian kamu menganiaya mereka. Barangsiapa berbuat demikian, maka sungguh ia telah berbuat zalim terhadap dirinya sendiri. Dan janganlah kamu jadikan hukum-hukum Allah permainan...”

(Surah al-Baqarah, 2: 231)

### Kesaksian Dalam Rujuk

*Fuqahā'* telah berselisih pendapat berkenaan dengan kesaksian dalam rujuk yang mana ada menyatakan kesaksian adalah perlu dan ada yang menyatakan tidak perlu. Soal kesaksian tidak timbul bagi rujuk dengan perbuatan dengan jalan persetubuhan kerana tidak mungkin seseorang yang melakukan rujuk dengan persetubuhan menzahirkan rujuknya untuk mendapatkan kesaksian. Soal kesaksian ini hanya menjadi isu bagi penzahiran lafaz rujuk.

عن مطرف بن عبد الله أن عمران بن حصين سئل عن الرجل يطلق امرأته ثم يقع بها ولم يشهد على طلاقها ولا على رجعتها فقال طلقت لغير سنة وراجعت لغير سنة أشهد على طلاقها وعلى رجعتها ولا تعد

“Daripada Muṭarrif bin ‘Abd Allah, sesungguhnya ‘Imrān bin Ḥuṣayn pernah ditanya tentang orang yang mentalak isterinya kemudian dirujuknya semula, dan tidak ada saksi ketika mentalak isterinya dan juga pada masa merujuk isterinya. Maka jawabnya “Engkau telah menceraikannya bukan menurut sunnah Rasulullah SAW dan juga engkau merujuknya bukan menurut sunnah. Hadirkanlah saksi untuk mentalakkannya dan merujuknya dan jangan kamu ulangi perbuatan tersebut.”<sup>38</sup>

Dalam hadith ini menunjukkan bahawa dalil berkenaan kesaksian dalam perkara berkaitan dengan talak dan rujuk. Menurut Imām Abū Ḥanīfah dan Imām Shāfi‘ī tidak wajib kesaksian dalam hal rujuk berdasarkan hadith Ibn

<sup>38</sup> Abū Dāwud Ṣulaymān bin al-Ash‘as (t.t.), *Sunan Abī Dāwud*, “Kitāb al-Ṭalāq”, no Hadith 2283. Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif Li al-Nashr wa al-Tawzī‘, h. 380.

Umar yang disuruh oleh Rasulullah SAW untuk merujuk isterinya kembali tanpa menyebut tentang kesaksian.<sup>39</sup> Mazhab Ḥanafī juga menyatakan bahawa sekiranya tiada kesaksian dalam rujuk maka sah rujuk tersebut.<sup>40</sup> Kebanyakan *fuqahā'* menyatakan kesaksian dalam hal rujuk adalah perkara sunat.<sup>41</sup>

Sebilangan *fuqahā'* lagi menyatakan kesaksian adalah perkara yang dituntut seperti pandangan Abū Muḥammad bin Ḥazm dalam *al-Muḥallā*.<sup>42</sup> Tuntutan untuk kesaksian adalah berdasarkan kepada dalil al-Quran iaitu:

فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهِدُوا ذَوَىٰ  
عَدْلٍ مِّنكُمْ وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ

*“Apabila mereka telah mendekati akhir ‘iddahnya, maka rujukilah mereka dengan baik atau lepaskanlah mereka dengan baik dan persaksikanlah dengan dua orang saksi yang adil di antara kamu dan hendaklah kamu tegakkan kesaksian itu kerana Allah.”*

(Surah al-Ṭalāq, 65: 2)

Ibn Kathīr menyatakan bahawa tidak harus bagi nikah, tidak pada talak dan tidak pada rujuk melainkan disaksikan oleh saksi yang adil. Imām al-Syawkānī dalam *Fatḥ al-Qādir* menyatakan wajib kesaksian dalam hal rujuk dan tidak wajib bagi talak. Manakala menurut Imām Shāfi‘ī dan Imām Aḥmad bin Ḥanbal daripada pendapat Imām Shāfi‘ī menyatakan bahawa kesaksian dalam hal rujuk adalah wajib dan hanya sunat bagi talak.<sup>43</sup>

Melihat kepada permasalahan kesaksian dalam hal rujuk ini, maka pendapat Imam Shāfi‘ī jelas menunjukkan tentang kepentingan kesaksian dalam rujuk. Sebaiknya rujuk yang dibuat ke atas isteri dengan disaksikan oleh dua orang saksi yang adil kerana kesaksian ini adalah perintah Allah SWT. Kesaksian ini adalah untuk mengelakkan sebarang pertikaian yang timbul seperti hal perwarisan selepas salah satu pihak yang meninggal dunia.<sup>44</sup>

<sup>39</sup> Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī (1967), *‘Awn al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abī Dāwud*, “Kitāb al-Nikāḥ”, no Hadith 2172. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Salafiyah, h. 254.

<sup>40</sup> Muḥammad ‘Ashiq Ilāhī al-Barnī (1992), *op.cit*, h. 49.

<sup>41</sup> *Ibid*, h. 45.

<sup>42</sup> Muṣṭafā bin al-‘Adwā (1988), *op.cit*, h. 183.

<sup>43</sup> *Ibid*, h. 184.

<sup>44</sup> Al-Shāfi‘ī (2001), *op.cit*, h. 623.

Perbincangan Hukum Syarak dalam hal rujuk dilihat mempunyai beberapa perselisihan pendapat tentang perkara-perkara penting seperti kesaksian dalam rujuk, lafaz rujuk dan rujuk dengan perbuatan. Pandangan *fuqaha'* dilihat sebagai bernas walaupun terdapat perselisihan antara mereka kerana hujah-hujah yang dibuat berdasarkan dalil al-Quran dan al-Hadith. Maka pandangan-pandangan mereka boleh diadaptasikan dan disesuaikan dengan uruf sesuatu kawasan dan masalah umum dalam memastikan Hukum Syarak didaulatkan.

## **RUJUK MENURUT UNDANG-UNDANG KEKELUARGAAN ISLAM DI MALAYSIA**

Setiap negeri di Malaysia telah memperuntukkan berkenaan dengan rujuk di bawah Peruntukan “Hidup Semula Sebagai Suami Isteri atau Rujuk” dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam.<sup>45</sup> Negeri-negeri tersebut memperuntukkan perkara yang hampir sama dalam seksyen tersebut dengan menyatakan beberapa perkara berkaitan dengan prosedur rujuk seperti melaporkan rujuk, penyiasatan rujuk, pendaftaran rujuk, perlantikan jawatankuasa pendamai kes rujuk dan kesalahan berkenaan tidak melaporkan rujuk.

### **Prosedur Rujuk Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) bertanggungjawab dalam hal yang berhubung dengan pendaftaran nikah, cerai dan rujuk yang telah diperuntukkan dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (AUKIWP). Bagi pendaftaran kes rujuk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat beberapa prosedur yang harus diikuti oleh pihak-pihak yang bertikai iaitu suami dan isteri. Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (PNCR) bertanggungjawab untuk melihat kepada kes rujuk ini bagi memastikan sama ada rujuk boleh didaftarkan mengikut prosedur yang

---

<sup>45</sup> Lihat Enakmen Johor (En. 17/03), s.52; Kedah (En. 7/08 En.11), s.52; Kelantan, 2002 (En. 6/2002), s.52; Melaka, 2002 (En. 12/02), s.52; Negeri Sembilan, 2003 (En. 11/03), s.52; Pahang, 2005 (En. 3/05), s.52; Perak, 2004 (En. 6/04), s.52; Perlis, 1991 (En. 4/92), s.51; Pulau Pinang 2004 (En 5/04 / En. 3), s.52; Sabah, 2004 (En. 8/04), s.52; Sarawak, 2001 (Bab 43/2001), s.50; Selangor, 2003 (En. 2/03), s.52; Terengganu, 1985 (En. 12/85), s.48; Wilayah Persekutuan (Akta 303), s.51.

ditetapkan atau terpaksa memanjangkan kes ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan bagi pengesahan rujuk.<sup>46</sup>

Prosedur biasa bagi pasangan yang ingin rujuk selepas berlaku perceraian adalah perlu mengisi borang yang ditetapkan serta mengemukakan bukti perceraian sama ada perintah perceraian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah atau Surat Perakuan Cerai yang didaftar di mana-mana Pejabat Agama Islam Negeri. Maka PNCR akan membuat siasatan yang perlu terhadap pihak-pihak yang mahu bersama kembali. Perkara yang akan disiasat oleh PNCR adalah melihat tempoh *'iddah* pihak isteri sama ada sudah tamat atau belum. Kemudian bertanya kepada pasangan masing-masing tentang perihal rujuk ini sama ada dengan kerelaan atau tidak. PNCR juga akan melihat kepada halangan-halangan dalam rujuk seperti perceraian *ṭalāq bā'in kubrā*, fasakh, *khulu'* dan sebagainya yang menghalang pasangan daripada rujuk semula. Sekiranya PNCR berpuas hati terhadap keterangan dokumen dan keterangan pasangan itu dan tiada halangan yang membolehkan mereka tidak bersama maka rujuk bolehlah dilakukan. Prosedur rujuk di Wilayah Persekutuan mengkehendaki pasangan melakukan rujuk di hadapan PNCR. Selepas berpuas hati terhadap dengan lafaz rujuk yang dibuat oleh suami kepada pihak isteri maka rujuk bolehlah didaftarkan. Pasangan yang kembali bersama sebagai suami isteri akan diarahkan untuk menyerahkan Surat Perakuan Cerai atau perintah perceraian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah kepada PNCR. PNCR kemudian membatalkan Surat Perakuan Cerai, seterusnya merekodkan rujuk serta Surat Perakuan Rujuk akan dikeluarkan kepada pihak-pihak<sup>47</sup> selepas mengikut prosedur yang ditetapkan oleh JAWI. Pengeluaran Surat Perakuan Rujuk hanya akan dikeluarkan selepas 14 hari dari tarikh pendaftaran rujuk, dan pihak-pihak boleh mengambil Surat Perakuan Rujuk seperti yang dikehendaki bagi menggantikan Surat Perakuan Cerai.

Dalam perihal rujuk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, terdapat beberapa isu yang perlu dirungkaikan untuk memahami prosedur rujuk yang dipraktikkan di JAWI dan juga Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

---

<sup>46</sup> Terdapat 2 istilah yang harus difahami dalam hal rujuk ini iaitu pendaftaran rujuk dan pengesahan rujuk. Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk hanya berbidangkuasa untuk membuat pendaftaran rujuk. Manakala pengesahan rujuk adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah bagi memastikan kesahan rujuk menepati Hukum Syarak atau tidak. Temubual bersama Abdullah bin Hashim, Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JAWI, pada 11 Disember 2009.

<sup>47</sup> Seksyen 51(3).

## **Pengesahan Rujuk Melalui Rujuk Perbuatan Atau Rujuk Lafaz**

*Fuqahā'* telah bersepakat mengesahkan bahawa rujuk melalui lafaz adalah sah tetapi terdapat percanggahan berkenaan dengan rujuk melalui perbuatan.<sup>48</sup> Mazhab Shāfi'ī tetap berpegang dengan pendapat Imam Shāfi'ī bahawa rujuk melalui lafaz sahaja yang sah dan tidak dengan perbuatan.<sup>49</sup> Perkara ini telah dibincangkan di atas dengan mengambil pendapat mazhab-mazhab muktabar dalam hal ini. Berkenaan pengesahan rujuk sama ada melalui lafaz atau perbuatan, pengesahan ini akan dipanjangkan ke Mahkamah Syariah dan bukannya JAWI. Jika sebelum ini PNCR mempunyai kuasa untuk membuat siasatan berkenaan dengan kes pengesahan rujuk ini.<sup>50</sup> Pada tahun 2007, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengeluarkan Arahan Amalan bahawa pertikaian mengenai sah atau tidaknya sesuatu rujuk hendaklah dibuat di Mahkamah Syariah.<sup>51</sup> Secara amalnya di JAWI mulai 2009 segala pengesahan rujuk akan terus dibuat ke Mahkamah Syariah. Maka Mahkamah Syariah akan membuat keputusan berdasarkan kepada keterangan pihak-pihak sama ada rujuk yang dibuat adalah sah atau tidak.<sup>52</sup> Tujuan pelaksanaan prosedur ini adalah untuk membantu melicinkan pentadbiran selain menolak tohmahan berkenaan dengan Hukum Syarak dalam hal rujuk. Selepas Mahkamah Syariah membuat keputusan terhadap hal ini maka perintah tersebut akan dibawa ke JAWI untuk didaftarkan oleh PNCR. Prosedur untuk mendapatkan Surat Perakuan Rujuk sama seperti yang dinyatakan di atas.

Melihat kepada hal rujuk melalui perbuatan sewaktu pengesahan rujuk di Mahkamah Syariah, penghakiman kes perlu melihat kepada kemaslahatan pasangan. Walaupun Malaysia mengamalkan pendekatan fiqh mazhab Shāfi'ī,<sup>53</sup> tetapi penggunaan kepada pandangan-pandangan fiqh mazhab lain yang diiktiraf dalam membuat penghakiman adalah tidak bersalahan dengan kehendak Undang-undang Islam di Malaysia.<sup>54</sup> Dalam hal rujuk melalui perbuatan ini sekiranya hakim terlampau terikat dengan pendekatan dan pandangan mazhab Shāfi'ī sahaja, maka kemaslahatan pasangan akan diketepikan. Sebagai contoh, seorang suami yang telah menceraikan isterinya

---

<sup>48</sup> Muṣṭafā bin al-'Adwā (1988), *op.cit.*, h. 175.

<sup>49</sup> Al-Shāfi'ī (2001), *op.cit.*, h. 261.

<sup>50</sup> Perkara ini telah termaktub di bawah Seksyen 51(3) iaitu: "*Pendaftar hendaklah membuat apa-apa siasatan yang perlu dan, jika berpuas hati bahawa persekedudukan semula telah berlaku mengikut Hukum Syarak...*"

<sup>51</sup> Arahan Amalan No.13 tahun 2007.

<sup>52</sup> Temubual bersama Abdullah bin Hashim, *op.cit.*

<sup>53</sup> Jasni Sulong (2008), "Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Amalan Pembahagian Pusakan dan Wasiat di Malaysia", *Jurnal Syariah*, 16(1), h. 163.

<sup>54</sup> Arahan Amalan No.9 tahun 2001.

dan telah melakukan persetubuhan dengan isteri sewaktu tempoh *'iddah*, dan sewaktu pengesahan rujuk di mahkamah, hakim terlampau terikat dengan pandangan mazhab Shāfi'ī, pasti persetubuhan itu tidak dikira sebagai rujuk. Tetapi sekiranya hakim mengambil pandangan *fuqahā'* lain dan melihat kepada kemaslahatan pasangan untuk memastikan isteri tidak teraniaya, maka adalah lebih baik hakim mengambil pendekatan bahawa rujuk melalui persetubuhan adalah sah kerana ini akan membawa kepada kemaslahatan dan keadilan dapat dibendung.

### **Permohonan Rujuk Sebelum Perintah Perceraian Dikeluarkan Oleh Mahkamah Syariah**

Masalah ini merupakan masalah yang kerap kali berlaku dalam hal rujuk iaitu suami melafazkan talak dalam keadaan fikiran tidak terkawal<sup>55</sup> dan emosi yang menguasai diri. Maka setelah melafazkan talak barulah suami sedar dan ingin merujuk semula kepada isterinya. Di JAWI sebelum tahun 2009, pasangan boleh datang ke di hadapan PNCR dengan hanya membawa resit permohonan pengesahan cerai yang dibuat di Mahkamah Syariah. Ini bermaksud pihak suami atau isteri akan membuat permohonan pengesahan cerai di Mahkamah Syariah, dan pihak mahkamah akan mengeluarkan resit berkenaan permohonan itu. Resit permohonan itu akan di bawa ke hadapan PNCR dan seterusnya PNCR akan membuat siasatan ke atas pihak-pihak berkenaan dengan perceraian sebelum melakukan rujuk. Walau bagaimanapun sejak tahun 2009, prosedur ini telah tidak digunakan lagi. Ini kerana ada pihak-pihak yang bertikai sanggup menyembunyikan beberapa perkara penting berkenaan dengan perceraian seperti perceraian dengan bilangan lafaz talak, lafaz ta'lik dan sebagainya. Pihak-pihak yang ingin rujuk kembali sanggup membuat penipuan agar mereka dapat bersama sebagai suami isteri. Walau bagaimanapun, pihak Pentadbiran Agama Islam telah membuat satu pembaharuan yang lebih menjamin ketelusan dalam pentadbiran dengan mengetatkan prosedur bagi menjaga kemaslahatan pihak-pihak yang selaras dengan Hukum Syarak. Pembaharuan yang dibuat adalah pihak-pihak yang bertikai sebelum membuat permohonan rujuk hendaklah menunggu sehingga perbicaraan kes selesai dan perintah mahkamah dikeluarkan. Maka pihak-pihak yang ingin kembali hidup bersama perlulah mengemukakan perintah mahkamah tersebut di hadapan PNCR dan PNCR sekali lagi akan membuat siasatan yang perlu seperti tempoh *'iddah* tamat atau belum dan sebagainya yang berhubung dengan hal rujuk. Selepas PNCR berpuas hati dengan siasatan dan keterangan yang ada, maka rujuk bolehlah dilakukan sama seperti prosedur rujuk di atas.

---

<sup>55</sup> Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1982), *op.cit*, h. 213.

Isu berbangkit dalam hal ini adalah isu perceraian luar mahkamah. Ia merupakan masalah yang secara langsung bersangkutan dalam hal permohonan rujuk sebelum perintah perceraian dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Ini kerana pihak yang ingin merujuk kembali kepada isterinya setelah melafazkan talak di luar mahkamah dan Mahkamah Syariah belum lagi mengeluarkan perintah berkenaan dengan pengesahan lafaz talak tersebut. Dalam hal ini seperti yang dinyatakan, pengesahan lafaz talak hendaklah dibuat dahulu dan perintah pengesahan lafaz talak perlulah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah sebelum rujuk berlaku. Selepas rujuk dibuat di hadapan PNCR oleh pihak-pihak maka rujuk tersebut akan didaftarkan mengikut AUKIWP. Bagi pihak isteri, isteri boleh mengambil surat perakuan rujuk selepas 14 hari dari tarikh pendaftaran rujuk. Walau bagaimanapun, pihak suami hendaklah melaporkan kepada pegawai penguatkuasa berkenaan dengan perceraian lafaz talak luar mahkamah dan mengisi borang 5 yang disediakan. Pihak suami akan disiasat oleh penguatkuasa bagi kesalahan perceraian luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah<sup>56</sup> seperti yang termaktub dalam undang-undang. Sekiranya kes yang dibawa ini digugurkan oleh pendakwa dan pihak pendakwa mengeluarkan surat pelepasan, maka pihak suami boleh mengambil surat perakuan rujuk sama seperti isteri iaitu dua minggu dari tarikh pendaftaran rujuk. Sekiranya kes perceraian luar mahkamah ini di bawa ke Mahkamah Syariah dan mahkamah telah membuktikan bahawa pihak suami bersalah, maka suami perlulah membayar jumlah denda yang telah diperintahkan oleh mahkamah. Selepas pihak suami membayar denda itu, maka barulah suami boleh mengambil Surat Perakuan Rujuk di JAWI dengan menunjukkan resit bayaran denda yang dibuat.<sup>57</sup>

### **Rujuk Tanpa Kerelaan Isteri**

Rujuk merupakan hak mutlak suami ke atas isterinya. Hak ini hanya ada pada suami dan tidak pada isteri.<sup>58</sup> Suami berhak untuk merujuk kepada

---

<sup>56</sup> Seksyen 124: “*Seseorang lelaki menceraikan isterinya dengan melafazkan talāq dengan apa-apa bentuk di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah itu maka dia melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.*”

<sup>57</sup> Temubual bersama Zainudin bin Wan Yusoff, Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JAWI, pada 11 Disember 2009.

<sup>58</sup> Said Ibrahim (2001), *400 Soal Jawab Nikah Kahwin*. Selangor Darul Ehsan: Darul Ma‘rifah, h. 133.



isterinya walaupun tidak meminta izin kepada isterinya terlebih dahulu. Walau bagaimanapun dalam situasi isteri tidak rela bersama dengan suaminya untuk hidup bersama, isteri mempunyai hak untuk membuat permohonan di Mahkamah Syariah berkenaan dengan ketidakrelaan isteri terhadap rujuk yang dibuat oleh suami. Kita sedia maklum bahawa rujuk adalah ruang yang dibuka oleh Islam kepada pasangan yang telah bercerai untuk kembali hidup bersama semula tanpa akad nikah dan mas kahwin yang baru berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan oleh Hukum Syarak.

Amalan praktis yang dilakukan di JAWI dalam hal rujuk ini adalah melihat kepada persetujuan kedua-dua pihak untuk bersama. Sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk rujuk, maka tiada sebarang masalah yang akan timbul kerana pendaftar akan membuat siasatan yang perlu dalam hal ini. Masalah yang timbul adalah sekiranya isteri tidak rela untuk bersama semula, maka rujuk di hadapan PNCR tidak akan dilakukan. PNCR akan mengarahkan kedua-dua pihak ke Mahkamah Syariah bagi kes ini. Mahkamah Syariah akan melihat dan membuat penghakiman berkenaan dengan perkara ini selaras dengan Seksyen 51(9). Seksyen ini membuka ruang kepada isteri yang tidak bersetuju terhadap rujuk yang dibuat oleh suami untuk mengemukakan permohonan agar tidak bersama suami lagi kerana sebab yang dibenarkan oleh Hukum Syarak. Maka setelah mahkamah berpuas hati terhadap hujah kedua-dua pihak, maka Mahkamah Syariah tidak boleh sama sekali mengeluarkan perintah untuk pihak suami isteri untuk hidup bersama tetapi mahkamah boleh melantik jawatankuasa pendamai seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 47 terpakai. Melihat kepada seksyen ini yang meletakkan Hukum Syarak<sup>59</sup> sebagai kayu pengukur jelas membantu pihak mahkamah dalam perihal rujuk ini. Isteri boleh mengemukakan permohonan tidak bersama suami sekiranya dibenarkan Hukum Syarak. Perkara ini adalah selaras dengan ayat berikut:

وَلَا تُسْكُوهُنَّ ضَرَارًا لِّتَعْتَدُوا

“Janganlah kamu rujuk semula kepada isteri kamu dengan maksud memberi mudarat”

(Surah al-Baqarah, 2: 231)

Oleh yang demikian, Mahkamah Syariah akan menimbang perkara ini berdasarkan keterangan pihak-pihak sewajarnya.<sup>60</sup> Walau bagaimanapun

<sup>59</sup> Seksyen 3, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 telah memberikan definisi “*Hukum Syarak ertinya mengikut mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Hanafi, Maliki, atau Hanbali*”.

<sup>60</sup> Nik Noriani Nik Badli Shah (1998), *Perkahwinan Dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam*, Kuala Lumpur: International Law Book Services, h. 131.

seksyen ini tidak digunakan oleh Mahkamah Syariah secara menyeluruh dan sehingga kini tiada lagi kes rujuk yang dibawa sehingga ke peringkat jawatankuasa pendamai.<sup>61</sup> Dalam kes *Siti Hawa lawan Mohamed Redzuan*,<sup>62</sup> mahkamah telah memutuskan bahawa rayuan isteri terhadap rujuk yang dibuat tanpa kerelaannya adalah sah kerana rujuk adalah hak suami. Hakim dalam kes ini telah mengeluarkan hujah berdasarkan ayat al-Quran, al-Hadith dan pendapat *fuqaha'*. Menerusi kes ini dilihat bahawa rujuk yang dibuat tanpa kerelaan isteri bolehlah dikemukakan ke Mahkamah Syariah dan mahkamah perlu menghakimi berdasarkan kepada undang-undang yang ada dan juga sumber Hukum Syarak.

### **Kesaksian Dalam Rujuk**

Kesaksian dalam rujuk bukanlah perkara yang menjadi syarat dan rukun rujuk secara mutlak. Tetapi kesaksian merupakan perkara yang sunat dalam perihal rujuk ini.<sup>63</sup> Ini berdasarkan kepada surah al-Ṭalāq ayat 2 iaitu berkenaan dengan kesaksian yang adil termasuklah kesaksian dalam hal rujuk. Kebanyakan *fuqaha'* menyatakan kesaksian dalam hal rujuk adalah perkara sunat<sup>64</sup> dan ada sebilangan lagi menyatakan kesaksian adalah perkara yang dituntut.<sup>65</sup>

Amalan praktis di JAWI berkenaan dengan kesaksian adalah tidak disyaratkan. Sekiranya pihak-pihak ingin melakukan rujuk, maka pasangan akan dipanggil di hadapan PNCR, dan lafaz rujuk akan dilafazkan di hadapan PNCR seperti yang dikehendaki. Pelafazan rujuk yang dibuat hanyalah cukup di hadapan PNCR tanpa kehadiran saksi.<sup>66</sup> Perkara ini dilihat lebih praktikal pada masa kini di Wilayah Persekutuan kerana kemaslahatan pasangan lebih mudah tercapai dan tidak merumitkan. Dalam seksyen 51 AUKI tidak dinyatakan sama sekali berkenaan dengan kesaksian dalam hal rujuk. Walau bagaimanapun kesaksian boleh diterima pakai dalam hal pengesahan rujuk yang dibuat di Mahkamah Syariah berdasarkan Akta Keterangan Mahkamah

---

<sup>61</sup> Temubual bersama Abdullah bin Hashim, *op.cit.*

<sup>62</sup> (1990) 7 JH 180.

<sup>63</sup> Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji (2005), *Fiqh al-Manhaji: Kitab Fikah Mazhab Syafie*, j. 4. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, h. 889.

<sup>64</sup> Muḥammad 'Āshiq Ilāhī al-Barnī (1992), *op.cit.*, h. 45.

<sup>65</sup> Muṣṭafā bin al-'Aḏwā (1988), *op.cit.*, h. 143.

<sup>66</sup> Temubual bersama Mohd Radhi bin Abdul Ghani, Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JAWI, pada 11 Disember 2009.

Syariah.<sup>67</sup> Bagi hal pengesahan rujuk di Mahkamah Syariah dilihat kesaksian merupakan perkara yang lebih praktikal dalam mencapai keadilan untuk melihat sejauh mana kesahan rujuk yang dibuat. Kes *Norhayati bte Tasrip lawan Hamid bin Che Mat* menyatakan dalam keputusan kes tersebut bahawa rujuk tidak perlu dibuktikan dengan saksi-saksi.<sup>68</sup> Walau bagaimanapun hakim<sup>69</sup> pada ketika itu mengeluarkan hujah-hujah berkenaan dengan kesaksian dalam rujuk berpandukan kitab-kitab fiqh.

### **Statistik Rujuk Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dari Tahun 2003-2009**

Statistik kes rujuk yang dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2003 sehingga 2009<sup>70</sup> ditunjukkan dalam Rajah 1. Statistik menunjukkan jumlah rujuk yang didaftarkan di JAWI pada tahun 2003 adalah sebanyak 58 pasangan. Peningkatan berlaku pada tahun 2004 iaitu sebanyak 79 pasangan. Pada tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008, masing-masing berjumlah 109 pasangan, 134 pasangan, 145 pasangan dan 152 pasangan. Jumlah peningkatan ini terus berlaku sehingga tahun 2009 iaitu 212 jumlah pasangan yang rujuk dan didaftarkan di JAWI. Dalam masa 7 tahun, jumlah rujuk yang direkodkan pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan lebih 3 kali ganda daripada jumlah yang direkodkan pada tahun 2003. Berdasarkan jumlah rujuk yang didaftarkan di Wilayah Persekutuan, jelas menunjukkan peningkatan yang mendadak dari tahun ke tahun. Jumlah peningkatan ini dilihat sebagai daya usaha bersama pasangan untuk merujuk pasangan masing-masing. Peningkatan ini juga selari dengan peningkatan jumlah perceraian yang didaftarkan di Wilayah Persekutuan. Justeru, apabila terdapat ramai pasangan yang bercerai maka ramai jugalah pasangan yang ingin memohon kembali hidup bersama dengan jalan rujuk.

---


<sup>67</sup> Seksyen 83 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) memperuntukkan berkenaan dengan siapa yang boleh memberikan keterangan sebagai saksi. Kesaksian inilah yang boleh digunakan dalam pengesahan lafaz rujuk yang dilakukan di hadapan Hakim Mahkamah Syariah.

<sup>68</sup> (1990) 9 JH 117.

<sup>69</sup> Hakim Rayuan, Selangor dalam kes ini adalah terdiri daripada Tan Sri Haji Mohamed Azmi, Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim dan Haji Ismail Hitam.

<sup>70</sup> Statistik 2009 sehingga tarikh 11 Disember 2009.

Rajah 1: Jumlah Rujuk Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Sumber: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jadual 1: Jumlah Rujuk Mengikut Kawasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tempat	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009
Kuala Lumpur	13	7	20	29	27	34	52
Damansara	8	9	9	11	18	7	13
Kepong	8	11	22	24	25	28	42
Setapak	9	12	15	15	18	23	34
Sungai Besi	20	40	43	55	57	60	71
Jumlah	58	79	109	134	145	152	212

Sumber: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jadual 1 pula merupakan jumlah rujuk yang didaftarkan di JAWI mengikut 5 kawasan utama iaitu Kuala Lumpur, Damansara, Kepong, Setapak dan Sungai Besi. Pada tahun 2003, jumlah pasangan yang rujuk di Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 58 pasangan. Sungai Besi merupakan kawasan yang paling tinggi jumlah pasangan yang rujuk iaitu 20 pasangan, manakala Damansara dan Kepong adalah yang terendah iaitu masing-masing 8 pasangan. Pada tahun 2004, jumlah pasangan yang rujuk di Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 79 pasangan. Sungai Besi merupakan kawasan yang tertinggi jumlah pasangan yang rujuk iaitu 40 pasangan berbanding Kuala Lumpur adalah yang terendah iaitu sebanyak 7 pasangan sahaja. Pada tahun 2005, jumlah pasangan yang rujuk di Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 109 pasangan. Sungai Besi merupakan kawasan yang tertinggi jumlah pasangan yang rujuk iaitu

43 pasangan berbanding Damansara adalah yang terendah iaitu sebanyak 9 pasangan sahaja. Pada tahun 2006, jumlah pasangan yang rujuk di Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 134 pasangan. Sungai Besi merupakan kawasan yang tertinggi jumlah pasangan yang rujuk iaitu 55 pasangan berbanding Damansara adalah yang terendah iaitu sebanyak 11 pasangan sahaja. Pada tahun 2007, jumlah pasangan yang rujuk di Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 145 pasangan. Sungai Besi merupakan kawasan yang tertinggi jumlah pasangan yang rujuk iaitu 57 pasangan berbanding Damansara dan Setapak adalah yang terendah iaitu masing-masing sebanyak 18 pasangan sahaja. Pada tahun 2008, jumlah pasangan yang rujuk di Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 152 pasangan. Sungai Besi merupakan kawasan yang tertinggi jumlah pasangan yang rujuk iaitu 60 pasangan berbanding Damansara adalah yang terendah iaitu sebanyak 7 pasangan sahaja. Pada tahun 2009, jumlah pasangan yang rujuk di Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 212 pasangan. Sungai Besi merupakan kawasan yang tertinggi jumlah pasangan yang rujuk iaitu 71 pasangan berbanding Damansara adalah yang terendah iaitu sebanyak 13 pasangan sahaja.

Jumlah statistik pasangan yang rujuk di Wilayah Persekutuan yang didaftarkan di bawah JAWI menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Kawasan Sungai Besi menunjukkan jumlah tertinggi pasangan yang rujuk setiap tahun, manakala kawasan Damansara pula merupakan kawasan terendah jumlah pasangan yang rujuk hampir setiap tahun.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Daripada perbincangan di atas, beberapa cadangan diutarakan untuk memastikan masyarakat memahami perihal rujuk daripada perspektif Hukum Syarak dan Undang-undang Kekeluargaan Islam di Malaysia.

1. Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak dinyatakan tentang kesaksian dalam hal rujuk. Ini memberi implikasi secara tidak langsung kepada pasangan kerana suami boleh menyatakan rujuk tidak berlaku sedangkan rujuk sebenarnya telah berlaku kerana ketiadaan saksi. Walaupun kesaksian bukanlah perkara wajib dalam rujuk tetapi sekiranya dimasukkan ke dalam Akta Undang-undang Kekeluargaan Islam ianya akan memberi kesan yang besar terhadap institusi rumahtangga dan perkara berbangkit seperti perwarisan.<sup>71</sup>

---

<sup>71</sup> Al-Shāfi'ī (2001), *op.cit*, h. 623.

2. Kaedah/cara rujuk hendaklah dinyatakan dalam AUKIWP agar masyarakat Islam di Malaysia pasti dengan kaedah tersebut. Peruntukan berkenaan dengan rujuk melalui lafaz di hadapan PNCR hendaklah diletakkan dalam statut. Bagaimanapun rujuk melalui perbuatan persetubuhan juga hendaklah diletakkan di dalam statut dan dinyatakan bahawa rujuk melalui perbuatan adalah tidak dibenarkan menurut mazhab Shāfi'ī. Dan sekiranya suami telah bersetubuh dengan isteri dengan perbuatan dan bukan dengan niat merujuk isterinya, maka hendaklah dikenakan hukuman yang setimpal terhadap suami.
3. Dalam AUKIWP tidak dinyatakan tentang rujuk yang boleh membawa mudarat. Maka adalah lebih wajar diletakkan berkenaan dengan rujuk yang boleh membawa mudarat kepada isteri dengan meletakkan bahawa sekiranya suami merujuk isterinya bukanlah untuk perdamaian tetapi untuk memberi kemudahan ke atas isteri sama ada kemudahan fizikal dan mental, maka suami akan dikenakan hukuman yang setimpal kerana ia adalah bertepatan dengan ayat 231 surah al-Baqarah. Di akhir surah ini juga Allah SWT menegaskan bahawa jangan mempersendakan hukum Allah SWT. Berdasarkan ayat ini, maka adalah wajar meletakkan cadangan ini dalam AUKIWP.
4. Kursus Pra Perkahwinan perlulah diperkukuhkan modulnya berkenaan dengan rujuk. Sebelum ini mana-mana kursus pra perkahwinan lebih mementingkan prosedur perkahwinan dan perceraian, tetapi amat kurang memberikan penekanan terhadap rujuk. Maka penambahbaikan perlu dilakukan supaya pasangan yang akan berkahwin lebih memahami tentang rujuk dengan lebih terperinci.
5. Literasi maklumat berkenaan dengan nikah, cerai dan rujuk perlulah diperluaskan di segenap lapisan masyarakat melalui forum, ceramah, diskusi ilmiah, risalah dan sebagainya. Maka pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Agama Islam Negeri, NGO dan pemuka masyarakat perlu memainkan peranan sebaik mungkin agar maklumat berkenaan perkara ini dapat disampaikan secara berterusan, tepat dan menyeluruh. Masyarakat juga perlu ada kesedaran untuk mendalami dan mempelajari ilmu berkenaan perkahwinan, perceraian dan rujuk untuk memantapkan pemahaman mereka seterusnya dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.<sup>72</sup>

---

<sup>72</sup> Raihanah Abdullah (2009), "Penanggungan Kes di Mahkamah Syariah: Cabaran dan Penyelesaian", *Jurnal Syariah*, 17(1), h. 26.

Melihat kepada perbincangan Hukum Syarak berkenaan dengan rujuk, isu-isu seperti keredaan isteri, kesaksian dalam rujuk, lafaz rujuk dan rujuk dengan perbuatan merupakan antara isu penting. Pandangan-pandangan *fuqaha'* yang diketengahkan dalam artikel ini walaupun terdapat perselisihan pendapat yang agak ketara, tetapi ianya boleh diaplikasikan kepada masyarakat awam mengikut uruf dan masalah umum.

Dalam konteks Undang-undang Kekeluargaan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pentadbiran dan prosedur yang dilakukan adalah untuk memudahkan pasangan yang ingin melakukan rujuk. Walaupun terdapat beberapa prosedur yang agak ketat, namun ia adalah untuk menjaga kemaslahatan kedua-dua pihak. Sebagai contoh, pengesahan rujuk yang dibuat di Mahkamah Syariah merupakan prosedur baru yang harus diikuti oleh pasangan untuk melihat kepada kesahan rujuk<sup>73</sup> yang dibuat sama ada sah atau tidak. Perkara ini dilihat sebagai suatu arahan yang jelas untuk memastikan pihak-pihak berada dalam suatu keadaan yang pasti tentang perihal rujuk yang telah dibuat.

Sebelum ini, sekiranya pasangan yang ingin melakukan rujuk tetapi belum mendapat perintah Mahkamah Syariah tentang perceraian yang dibuat, rujuk tersebut dibenarkan dengan syarat mengemukakan bukti pendaftaran pengesahan lafaz cerai yang dibuat. Walau bagaimanapun, perkara ini dilihat sebagai suatu yang tidak pasti kerana Mahkamah Syariah belum mengeluarkan perintah sama ada perceraian yang dibuat adalah perceraian *ṭalāq raj'ī* atau *ṭalāq bā'in*. Maka rujuk yang dilakukan di hadapan PNCR boleh jadi sah atau tidak dengan hanya keterangan pasangan tersebut. Dalam hal ini, pendekatan yang dibuat oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan amatlah wajar iaitu pasangan yang ingin melakukan rujuk hanya boleh berbuat demikian setelah mendapat perintah daripada Mahkamah Syariah dan tidak hanya bergantung kepada bukti permohonan pengesahan lafaz cerai. Pendekatan yang dibuat ini dapat membantu PNCR untuk memastikan status perceraian pihak-pihak berkenaan sama ada boleh berlaku rujuk atau tidak. Kerelaan isteri juga menjadi isu yang dibangkitkan dalam permohonan rujuk. Sekiranya pihak suami hadir memohon untuk merujuk isterinya semula tetapi isteri tidak hadir maka permohonan rujuk akan ditolak oleh pendaftar. Bagi kes yang mana isterinya tidak rela untuk dirujuk, maka pihak-pihak berkenaan boleh membuat permohonan kepada Mahkamah Syariah dan mahkamah akan menimbang perkara tersebut sebelum membuat keputusan. Islam sememangnya menjaga hak manusia daripada diganggu oleh orang lain selagi mana ianya tidak bertentangan dengan Hukum Syarak. Dalam hal rujuk, walaupun rujuk

---

<sup>73</sup> Arahan Amalan No. 13 Tahun 2007.

merupakan hak suami, tetapi Allah SWT telah menegaskan dalam surah al-Ṭalāq ayat 2 bahawa rujuk yang dilakukan bukanlah untuk memudaratkan isteri. Kesaksian dalam rujuk di JAWI bukanlah suatu perkara yang perlu dipatuhi secara tetap. Ini kerana amalan kebiasaan yang dibuat oleh JAWI tentang perihal rujuk ini adalah pasangan suami dan isteri akan diarahkan hadir di hadapan PNCR dan PNCR akan merekodkan rujuk yang telah dibuat di hadapannya. Kes *Norhayati bte Tasrip lawan Hamid bin Che Mat* menyatakan dalam keputusan kes tersebut bahawa rujuk tidak perlu dibuktikan dengan saksi-saksi.<sup>74</sup> Walau bagaimanapun, penulis mencadangkan bahawa kesaksian perlu dalam perihal rujuk di Malaysia.

Berkenaan rujuk ini, Hukum Syarak yang berlandaskan kepada al-Quran dan al-Hadith seharusnya dijadikan sebagai kayu pengukur untuk melihat sesuatu isu yang timbul. Pandangan-pandangan mazhab fiqh muktabar<sup>75</sup> juga boleh diguna pakai dalam hal ini untuk memastikan bahawa rujuk adalah selaras dengan Hukum Syarak dan kemaslahatan umum pasangan-pasangan yang rujuk.

## RUJUKAN

- Ābādī, Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm (1967), *‘Awn al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Salafiyah.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1982), *Tafsīr al-Azhār*, j. 1. Jakarta: Pustaka Panjimas
- ‘Adwā, Muṣṭafā bin al- (1988), *Aḥkām al-Ṭalāq fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Ahmad Ibrahim (1999), *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Asbahi, Malik bin Anas al- (1994), *al-Mudawwanah al-Kubra*, j. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ash‘as, Abū Dāwūd Sulaymān bin al- (t.t.), *Sunan Abī Dāwūd*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif Lī al-Nashr wa al-Tawzi‘.

---

<sup>74</sup> (1990) 9 JH 117.

<sup>75</sup> Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengeluarkan Arahan Amalan No.9 Tahun 2001 iaitu berkenaan dengan pemakaian pendapat mazhab fiqh yang muktabar.



- Bahutī, Manṣūr bin Yūnus al- (t.t.), *al-Rawd al-Murabbi' Sharḥ Zād al-Mustaqni'*. Kaherah: Mu'assasah al-Risalah.
- Barnī, Muhammad 'Ashiq Ilāhī al- (1992), *al-Tashīl al-Ḍarūrī li Masāil al-Qudūrī*, j. 2. Karachi: Maktabah al-Sheikh.
- Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al- (1400H), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyah.
- Dimashqī, al-Jalīl al-Ḥāfiẓ 'Imād al-Dīn Ābī al-Fida' Ismā'īl bin Kasīr al- (2000), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, j. 2. Kaherah: Mu'assasah Qurṭubah.
- Ḥusaynī, Taqīy al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al- (2001), *Kifāyah al-Akhyār fi Ḥallī Ghāyah al-Ikhtisār*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmīyah.
- Jasni Sulong (2008), "Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Amalan Pembahagian Pusakan dan Wasiat di Malaysia", *Jurnal Syariah*, 16(1), 163-183.
- Kosmo* (2009), "Rujuk Selepas Mati: Tuntutan Harta Punca Bekas Pegawai Polis Fail Kes Pelik Di Mahkamah Syariah", 17 November 2009.
- Maqdisī, Shams al-Dīn Abī al-Farj 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Ahmad bin Qudāmah al- (1996), *al-Sharḥ al-Kabīr*. Giza: Hajr li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-'īlan.
- Muhd. Fauzi Muhamad (2003), *Pembubaran Keluarga: Undang-Undang Keluarga Islam Dalam Empat Mazhab*, j. 2. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali asy-Syarbaji (2005), *Fiqh al-Manhaji: Kitab Fikah Mazhab Syafie*, j. 4. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al- (2003), *Rawḍah al-Tālibīn*, j. 6, Beirut: Dār 'Alam al-Kutub.
- Nik Noriani Nik Badli Shah (1998), *Perkahwinan Dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam*, Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Qāyrawānī, Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin 'Abd al-Raḥman Abī Zayd al- (1999), *al-Nawādir wa al-Ziyādāt*, j. 5. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmi.
- Qudāmah, Muwaffaq al-Dīn Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad (1992), *al-Mughnī*, j. 10. Riyadh: Dār 'Alam al-Kutub.

Qudāmah, Muwaffaq al-Dīn Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad (1997), *al-Kāfi*, j. 4. Giza: Hajr li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-‘ilan.

Raihanah Abdullah (2009), “Penangguhan Kes di Mahkamah Syariah: Cabaran dan Penyelesaian”, *Jurnal Syariah*, 17(1), 1-30.

Sa‘di, ‘Abd al-Raḥman bin Naṣīr al- (t.t.), *al-Fatāwā al-Sa‘dīyyah*, Riyadh: al-Mu‘assasah al-Sa‘dīyyah.

Said Ibrahim (2001), *400 Soal Jawab Nikah Kahwin*. Selangor Darul Ehsan: Darul Ma‘rifah.

Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs al- (2001), *Al-Umm*, j. 6. Manṣurah: Dār al-Wafā’.

Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Fayruzabadi al- (1995), *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah.

Shirwānī, ‘Abd al-Ḥāmid al- (t.t.), *Tuḥfah al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj*, j. 8, Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafā Muḥammad.

## **KES**

Norhayati bte Tasrip lawan Hamid bin Che Mat (1990) 9 JH 117

Siti Hawa lawan Mohamed Redzuan (1990) 7 JH 180

## **STATUT**

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)

Arahan Amalan No. 13 Tahun 2007

Arahan Amalan No. 9 Tahun 2001

Enakmen Keluarga Islam Kedah, 2008 (En. 7/08 En.11)

Enakmen Keluarga Islam Kelantan, 2002 (En. 6/2002)

Enakmen Keluarga Islam Melaka, 2002 (En. 12/02)

- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Perlis, 1991 (En. 4/92)
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor, 2003 (En. 17/03)
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang 2004 (En 5/04 / En.3)
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan, 2003 (En. 11/03)
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pahang, 2005 (En. 3/05)
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perak, 2004 (En. 6/04)
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Sabah, 2004 (En. 8/04)
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor, 2003 (En. 2/03)
- Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu, 1985 (En. 12/85)
- Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Sarawak, 2001 (Bab 43/2001)

## **TEMUBUAL**

- Abdullah bin Hashim, Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JAWI. Temubual pada 11 Disember 2009.
- Mohd Radhi bin Abdul Ghani, Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JAWI. Temubual pada 11 Disember 2009.
- Zainudin bin Wan Yusoff, Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JAWI. Temubual pada 11 Disember 2009.

